

30/08/1997

Angkara Soros si penjenayah durjana

HH

RINGGIT Malaysia setiap hari jatuh di pasaran tukaran asing. Jika beberapa bulan dulu jika kita terpaksa keluarkan kira-kira RM\$2.50 bagi mendapatkan setiap AS\$1 kini kadar pertukaran itu sudah berubah pantas.

Pagi semalam, kadar pertukaran itu dengan dolar jatuh sehingga mencecah RM2.94. Ramai ahli ekonomi dan mereka yang terbabit dalam kegiatan mata wang berkeyakinan kadar itu akan meningkat lagi sehingga paras melepasi RM3.00. Jika ini terjadi, untuk dapat AS\$1, kita akan terpaksa membayar 50 sen lebih tinggi daripada sebelum ini. Dalam kata lain, jika kita mahu pergi ke Amerika Syarikat sekarang dan beli dolar kerana kita terpaksa membayar dalam dolar apabila berbelanja di sana, kita kini keluar RM3 untuk dapat AS\$1 berbanding RM2.50 sebelum ini.

Itu jika kita pergi Amerika. Jika tidak pergi ke sana pun, sebenarnya kita akan mengalami kesan kejatuhan ringgit walaupun tidak ketara sangat ketika ini. Namun ketika kejatuhan mendadak sekarang, masih ramai yang tidak merasakannya begitu lebih lagi mereka yang tidak arif dalam hal ini. Sebabnya, kita masih boleh berbelanja, masih boleh makan-minum di restoran, boleh bayar tambang bas, teksi, LRT, beli beras, gula, bayar hutang pinjaman rumah, kereta dan macam-macam lagi dengan duit gaji yang kita tetap perolehi setiap bulan.

Atas sebab inilah, ramai kalangan kita tidak risau sangat apabila isu kejatuhan mata wang ringgit heboh diperkatakan. Ramai yang tak merasai kesannya secara langsung. Walaupun Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pemimpin lain bidas kegiatan spekulasi mata wang termasuk yang didalangi pemodal antarabangsa, George Soros, ramai tidak ambil endah.

Ketam Batu bangkit perkara ini supaya kita peka dan faham kerana tindakan manipulator seperti Soros menekan nilai ringgit, pasti memberi kesan jangka panjang kepada rakyat, negara dan martabat Malaysia.

Memang betul sekarang walaupun duit kita jatuh nilai, kita masih boleh makan nasi dan membeli-belah. Tetapi jika kita teliti dari segi nilai sebenarnya, kita di Malaysia pada dasarnya akan menjadi rakyat miskin setiap kali mata wang kita jatuh.

Contoh paling mudah ialah ukuran kepada pendapatan perkapita negara. Mengikut unjuran Belanjawan Negara 1997, pendapatan perkapita kita meningkat daripada AS\$4,008 (RM10,058) kepada AS\$4,457 (RM11,118). Untuk memudahkan pengiraan, katakanlah pendapatan perkapita kita kini sudah mencapai AS\$4,500. Oleh itu apabila harga ringgit merosot lebih 10 peratus, secara langsung pendapatan perkapita kita kini menjadi RM4,050.

Begitu juga perbandingan kuasa beli (purchasing power parity). Ketika ini kuasa beli itu adalah tiga kali ganda lebih tinggi bersamaan AS\$12,508. Dengan kejatuhan ringgit 10 peratus, kuasa beli kita merosot kepada kira-kira AS\$11,257. Bagaimana pula jika jatuh hingga 20 peratus! Jika kita ada menyimpan wang dalam bank, jika dulu nilainya besar, tetapi kini semakin berkurangan. Disebabkan ringgit menjadi murah berbanding dolar, bermakna setiap barangan yang kita import, negara terpaksa membayar lebih ringgit. Jika kita eksport pula, barangan kita menjadi murah kerana ringgit kita rendah.

Pastinya jika ini terus berlaku, pendapatan negara kita bila sampai hujung tahun akan berkurangan. Jika dulu dengan jumlah barangan yang sama eksport kita dapat RM40 juta, sekarang kita hanya akan dapat RM36 juta. Apabila pendapatan negara semakin berkurangan, banyak pembangunan yang kita rancang tidak dapat berjalan dan akhirnya dalam jangka panjang,

rakyat jugalah yang akan merasakan kesannya. Keadaan boleh menjadi buruk sehingga kita terpaksa meminjam kepada orang lain untuk membangunkan negara. Jika ini berlaku, tentu sukar untuk kita mencapai impian menjadi negara maju menjelang tahun 2020.

Atas sebab inilah, Dr Mahathir dan pemimpin kita yang lain resah. Tindakan penyangak seperti Soros ini boleh mengancam masa depan ekonomi Malaysia. Sebab itu macam-macam akan diikhtiarkan untuk mempertahankan diri kita.

Lihat apa yang sudah berlaku di Thailand. Akibat angkara durjana manusia bernama Soros dalam pasaran tukaran wang, negara berkenaan kerugian AS\$20 bilion. Negara itu sudah kekurangan Baht untuk membayar segala hutang-piutangnya. Kini ekonomi Thailand semakin musnah. Tiada jalan terbaik bagi negara itu memulihkannya dalam tempoh 15 ke 20 tahun, sebaliknya menanggung kesannya. Mereka kini terpaksa meminjam daripada Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) sebanyak AS\$16 bilion. Pemimpin negara mereka benar-benar terjerat. Selain pening kepala dengan kerugian AS\$20 bilion, mereka kini terpaksa pula membayar faedah tinggi kepada pinjaman IMF itu.

Taktik begini jugalah mahu dikenakan oleh Barat dan konconya seperti Soros terhadap Malaysia. Apatah lagi mereka lihat kita boleh berdiri atas kaki sendiri menguruskan ekonomi. Mereka mahu kita merengkok dalam kemiskinan dan kemudian merintah meminta sedekah kepada mereka. Mereka mahu ekonomi kita berada dalam keadaan nazak dan kemudian putus nyawa. Sebagai bangsa yang mengalir darah penjajah, mereka tetap iri hati dengan kejayaan negara Asia dan bertungkus-lumus mahu memusnahkannya. Atas alasan membantu masyarakat dunia yang miskin di tempat lain, mereka datang ke satu persatu negara Asia dan merompak wang mereka. Apabila ekonomi negara terbabit semakin lumpuh, kuasa Barat yang turut bersekongkol dengan Soros, akan datang menawarkan bantuan yang bertujuan menjerat leher negara peminjam. Untuk mengabui apa yang mereka lakukan, Soros dan pemimpin Barat akan memberi alasan bahawa apa yang berlaku adalah sesuatu yang biasa bagi kegiatan yang berlandaskan pasaran terbuka.

Inilah angkara Soros yang dicop sebagai penjenayah bebas oleh banyak negara. Majistret Rome pernah menyenaraikan Soros antara mereka yang boleh ditangkap dan dibicarakan.

Apakah kita perlu berdiam diri apabila Soros dibantu oleh negara kuasa ekonomi merompak hak kita sehingga boleh menjadikan kita papa dan miskin jika nilai ringgit terus jatuh? Walaupun agak sukar dibuktikan, kita tahu apa yang berlaku kini adalah konspirasi Barat dan Soros untuk menghancurkan negara di Asia. Kejatuhan mata wang sesebuah negara, satu lepas satu seperti teori domino itu, menjelaskan perkembangan sekarang bukan dipengaruhi oleh elemen kegiatan pasaran terbuka tulen tetapi satu pakatan serangan yang dirancang.

Rakyat perlu faham keadaan ini. Lambat-laun kesan kejatuhan ringgit akan dirasakan semua. Lantaran itu, kita wajar tidak keliru apabila ada pihak tertentu yang cuba memberi alasan sebab keadaan ini berlaku. Lebih malang lagi jika ia dipolitikkan kononnya pemimpin kita tidak pandai mengurus ekonomi negara.

(END)